



KENYATAAN MEDIA

MALAM ANUGERAH PEMBANGUNAN KAPASITI MCMC 2023 IKTIRAF INDIVIDU DAN ORGANISASI YANG TELAH SERTAI DAN SOKONG PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI MCMC

KUALA LUMPUR, 11 OCTOBER 2023 - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menganjurkan Malam Anugerah Pembangunan Kapasiti di Kuala Lumpur, yang telah disempurnakan oleh Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil.

Penganjuran Malam Anugerah Pembangunan Kapasiti MCMC ini bertujuan untuk meraikan pencapaian para individu dan organisasi yang telah berjaya menyertai serta menyokong program-program pembangunan kapasiti MCMC, dan pada masa sama, mengiktiraf rakan-rakan MCMC yang telah bekerjasama dalam program-program pembangunan yang dimaksudkan. Acara ini mencerminkan komitmen MCMC bukan sahaja untuk memacu infrastruktur digital dan kesalinghubungan negara bahkan juga memastikan sumber-sumber untuk tenaga kerja berkemahiran, modal pengetahuan dan pembangunan keupayaan serta kemahiran untuk industri komunikasi dan multimedia.

Program Pembangunan Kapasiti MCMC, yang lebih dikenali sebagai CDeP merangkumi pelbagai bidang seperti aplikasi dan teknologi 5G, pengurusan spektrum, keselamatan rangkaian, Medan Elektromagnetik Frekuensi Radio (RF-EMF), teknologi mudah alih tanpa wayar di samping topik-topik kawal selia termasuk peraturan pos dan kurier yang penting kepada merealisasikan agenda ekonomi digital negara.

CDeP telah menerima penyertaan daripada agensi-agensi Kerajaan termasuk pihak berkuasa tempatan, agensi penguatkuasaan undang-undang, angkatan tentera Malaysia, pemain industri telekomunikasi dan institusi pengajian tinggi.

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD), Kementerian Kesihatan, Agensi Nuklear Malaysia, Maxis Broadband Sdn. Bhd. dan Heriot-Watt Universiti Malaysia adalah antara lima organisasi terbaik yang telah menunjukkan komitmen kepada pembangunan tenaga kerja mereka apabila mempunyai penyertaan tertinggi untuk CDeP. Organisasi-organisasi berkenaan telah menerima Anugerah Pengiktirafan Pengerusi MCMC atas penyertaan tertinggi pada 2023 sebagai mengiktiraf komitmen mereka.

Majlis tersebut turut menyaksikan pengumuman lapan kursus kelayakan mikro baharu dalam bidang telekomunikasi, undang-undang siber, keselamatan rangkaian, teknologi maklumat dan forensik digital, yang dibangunkan oleh MCMC hasil kolaborasi erat dengan Universiti Multimedia, Universiti Kuala Lumpur, UCSI University dan Universiti Teknologi Malaysia. Kursus-kursus kelayakan mikro tersebut boleh disusun menjadi kelayakan akademik bertauliah sepenuhnya sama ada secara pilihan ataupun sebagai satu kursus yang bergerak sendiri yang menyokong aspek profesional, teknikal dan pembangunan peribadi peserta. Kelayakan-kelayakan ini telah dikenal pasti sebagai sebahagian daripada kredit yang menyumbang kepada kelayakan ijazah akademik oleh Agensi Kelayakan Malaysia.

Malam Anugerah tersebut turut menyaksikan pertukaran dokumen kerjasama diantara MCMC dan Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dalam aspek pembangunan bersama kemahiran membabitkan pihak Suruhanjaya dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kepala Batas, Pulau Pinang. Pada sesi pertukaran tersebut, pihak MCMC diwakili oleh Pengerusinya, Tan Sri Mohammad Salim manakala Ketua Pengarah JTM dwakili oleh Encik Shakib bin Shakir sambil disaksikan oleh Menteri KKD, YB Fahmi Fadzil. Program Pembangunan dengan ILP Kepala Batas berfungsi sebagai perintis dalam menggabungkan amalan teknikal terkini untuk sektor telekomunikasi, bagi menyediakan kursus-kursus Latihan berbentuk Teknikal dan Pendidikan Vokasional yang dipacu oleh pihak industri.

Malam Anugerah Persidangan Pembangunan Kapasiti MCMC itu telah dihadiri oleh 150 orang tetamu termasuk rakan-rakan kolaborasi Akademi MCMC, dan para penyelidik universiti yang telah menyokong serta terlibat dalam inisiatif-inisiatif pembangunan kapasiti MCMC khususnya dalam aspek pembangunan bakat dan peningkatan kemahiran, yang menyaksikan tumpuan kepada teknologi komunikasi.

PEMENANG MALAM ANUGERAH PEMBANGUNAN KAPASITI MCMC 2023

| No. | Kategori | Penerima Anugerah |
|-----|--|--|
| 1. | Anugerah Peserta Cemerlang untuk <i>Converged Telecommunication Policy and Regulations (CTPR) Masterclass 2023</i> | Racheal Chan Wai Lai (MCMC) Khairul Akmal Zahri (TM) Alvin Iskandar Aslam (XL Axiata Indonesia) |
| 2. | Anugerah Pengiktirafan Pengerusi MCMC <i>Capacity Development Programme (CDeP) Top Participation 2023</i> | Kementerian Komunikasi dan Digital Kementerian Kesihatan Agensi Nuklear Malaysia Maxis Broadband Sdn Bhd Heriot-Watt Universiti Malaysia |

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV